

19/10/1999

K-ekonomi sesuai untuk IKS

Kadir Dikoh; Saidon Idris

KUALA LUMPUR, Isnin - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menyarankan pengusaha industri kecil dan sederhana (IKS) memikirkan untuk menceburi kegiatan perniagaan berteraskan kemahiran dan pengetahuan kerana kos permulaannya rendah.

Perdana Menteri berkata, berdasarkan aliran semasa, kini menjurus kepada kegiatan ekonomi berasaskan pengetahuan atau K-ekonomi di mana kuasa pemikiran melebihi kekuatan dalam menentukan kelebihan daya saing.

Katanya, ekonomi negara secara beransur-ansur berubah kepada ekonomi berasaskan pengetahuan dengan kegiatan ditumpukan kepada yang nilai tambahnya tinggi.

"Kegiatan itu juga berasaskan pengetahuan seperti reka bentuk produk dan proses, pengembangan dan peningkatan produk/proses, inovasi dan kegiatan penyelidikan dan pembangunan (R&D) lain.

"Kedua-dua syarikat besar dan kecil mempunyai peluang yang hampir sama untuk mencapai kejayaan," katanya merasmikan Pameran IKS Tahunan '99 di Seri Kembangan, dekat sini, hari ini.

Pameran selama tiga hari itu, dianjurkan oleh Perbadanan Pembangunan Industri Kecil dan Sederhana (Smidec). Dr Mahathir kemudian melawat pameran dan turut melancarkan rangkaian Internet Skali dengan alamat www.skali.com.

Skali.com adalah antara tapak web paling diminati, diuruskan oleh Alam Teknokrat Sdn Bhd (Altek), sebuah syarikat yang dimajukan oleh Perbadanan Usahawan Nasional Bhd (PUNB).

Hadir sama ialah Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Rafidah Aziz dan Pengerusi Smidec yang baru, Tan Sri H M Khatib yang sebelum ini Duta Besar Malaysia ke Jepun.

Dr Mahathir berkata, sudah banyak kejayaan cemerlang dalam teknologi, reka bentuk dan pengembangan yang dicapai oleh syarikat atau usahawan yang bermula dari bawah dan secara kecil-kecilan.

Katanya, IKS diiktiraf sebagai jentera bagi membangunkan syarikat-syarikat milik Malaysia serta jenama dan reka bentuk milik Malaysia.

Sehubungan itu, kata beliau, IKS perlu bersedia mengubah cara pemikiran dan cara menjalankan perniagaan serta perjalanan perniagaan.

Katanya, dengan penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) secara meluas oleh syarikat-syarikat, jangkauan perkhidmatan dan barangan buatan Malaysia boleh mencapai pasaran global selain bersedia menghadapi cabaran dan perubahan di masa depan.

"Mereka mestilah mengalih tumpuan mereka daripada berorientasikan pengeluaran kepada berorientasikan pasaran, mestilah cuba mendapatkan teknologi baru dan mempertingkatkan kemahiran, dan meningkat daripada mengeluarkan komponen dan alat ganti murah untuk menjadi pembekal global bagi barangan perantaraan nilai ditambah yang tinggi," katanya.

(END)